



SIARAN MEDIA

KES KEGANASAN RUMAH TANGGA MENURUN

KUALA LUMPUR, 25 NOVEMBER 2013 – Kes keganasan rumah tangga mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak 13% peratus pada suku ketiga tahun ini.

Berdasarkan rekod pihak Polis DiRaja Malaysia, pada Januari sehingga September tahun lalu, sebanyak 2558 kes dilaporkan berbanding tahun ini yang hanya mencatat sebanyak 2229 kes pada tempoh yang sama.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berhormat Datuk Seri Rohani Abdul Karim yakin salah satu faktor yang menyumbang kepada penurunan kes berkenaan adalah disebabkan kempen atau program yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Antara program tersebut ialah Kempen Respek Wanita yang telah dijalankan awal Mei yang lalu merangkumi Sambutan Hari Ibu, Sambutan Hari Bapa, Sambutan Hari Wanita, Seminar Wanita Anti Jenayah, Seminar Literasi Undang- undang dan Kempen 60 Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita sejak ia dilancarkan pada 10 Oktober yang lalu.

"Saya percaya dan yakin, kempen atau program yang kami jalankan melalui JPW dan semua agensi dibawah KPWKM telah berjaya meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai supaya menghormati wanita dan menghentikan keganasan terhadap golongan tersebut," kata beliau sewaktu merasmikan Sambutan Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2013 di Dataran Kompleks SOGO hari ini.

Tambah Rohani, segala program dan kempen yang dijalankan oleh JPW berjaya kerana telah mendapat kerjasama yang baik daripada pelbagai pihak.

"Saya tidak menafikan kejayaan ini adalah hasil kerjasama dengan pelbagai pihak seperti agensi kerajaan yang lain, NGO dan pihak swasta yang terlibat secara tidak langsung dan memberi ruang kepada kami untuk menggunakan platform mereka bagi menjalankan kempen dan program berkenaan", ujar beliau.

Antara agensi, NGO dan pihak swasta yang terlibat adalah seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), 1Malaysia For Youth (IM4U), Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Management Science University (MSU), Plus Malaysia Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Syarikat Prasarana Negara Berhad, dan juga penglibatan daripada syarikat-syarikat korporat yang lain seperti Pusat Beli-Belah SOGO, AVON, The Star Publication, Suria FM, Sunlight Teksi Sdn Bhd, My Teksi, ABEX Autosistek Sdn. Bhd, Tropicana Twister dan Silver Bird.

